

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 NOVEMBER 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 6

Tiga kaedah subsidi petrol, diesel

Tiga kaedah subsidi petrol, diesel

Rafizi kemuka penyasaran semula subsidi bahan bakar itu tidak lama lagi

Oleh NURUL HUDA HUSAIN dan NOR SYAMIRA LIANA NOR ASHAHA
KUALA LUMPUR

Kementerian Ekonomi mencadangkan tiga kaedah penyasaran semula subsidi petrol dan diesel untuk dilaksanakan tidak lama lagi.

Menterinya, Rafizi Ramli berkata, cadangan itu juga akan dikemukakan untuk pertimbangan Jemaah Menteri bulan ini.

Jelasnya, kaedah pertama dicadangkan ialah pemberian subsidi secara bersasar mengikut kelayakan pendapatan belanja bersih secara individu melalui pendekatan perlindungan sosial.

"Kedua, pemberian subsidi secara bersasar mengikut kelayakan boleh belanja bersih isi rumah dan melalui pendekatan hibrid, gabungan perlindungan sosial serta bantuan sosial.

"Kaedah ketiga, pemberian subsidi secara bersasar mengikut kelayakan pendapatan boleh belanja bersih secara isi rumah dan individu tetapi di-



Penyasaran semula subsidi petrol dan diesel adalah untuk kepentingan pengguna khususnya golongan B40 di Malaysia.



RAFIZI

laksanakan menggunakan kaedah kad subsidi," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan **Khoo Poay Tiong (PH-Kota Melaka)** berhubung jenis subsidi bersasar yang bakal dilaksanakan nanti.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar

Ibrahim ketika membentangkan Belanjawan 2024 pada Oktober lalu memaklumkan pelaksanaan subsidi bersasar akan dibuat secara bertasa mulai tahun hadapan.

Mengulas lanjut, Rafizi yang juga Ahli Parlimen Pandan berkata, sebanyak RM294.5 bilion atau 10.9 peratus daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan

kerajaan digunakan bagi menanggung subsidi dan bantuan sosial.

Ujarnya, jumlah itu meliputi sejak 2015 hingga tahun ini.

Harga diesel bersubsidi ketika ini adalah RM2.15 seliter berbanding harga pasaran semasa yang mencecah RM3.78 seliter.

Rafizi sebelum ini dilaporkan berkata, program subsidi bersasar dijangka dapat dilaksanakan sepenuhnya bermula tahun hadapan setelah Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) dilengkapi maklumat lengkap sosio ekonomi isi rumah di Malaysia.

Beliau berkata, sistem tersebut dijangka melalui tempoh percubaan mulai November ini sebelum dibuka kepada orang ramai pada Januari 2024.